

06 SEP 1998

ABAC-peraturan

ABAC AKUI PERLUNYA PERATURAN BAGI PEDAGANG MATAWANG

Oleh: S.Durga Varma

TAIPEH, 6 Sept (Bernama) -- Majlis Penasihat Perniagaan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (ABAC) hari ini mengakui perlunya memperkenalkan syarat dan peraturan untuk pedagang matawang.

Ini merupakan kali pertama sebuah forum antarabangsa menyokong idea berkenaan yang pertama kali dicetuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi Pasukan Petugas Krisis Kewangan ABAC, Dr Jeffrey Len-Song Koo berkata: "Sementara faedah daripada liberalisasi perdagangan dan pelaburan adalah jelas, cabang-cabang perdagangan matawang spekulatif dengan ketiadaan struktur pengawasan yang mencukupi adalah tidak jelas dan perlu ditangani segera."

Bercakap pada sidang media di akhir Mesyuarat Ketiga ABAC selama empat hari di sini, beliau berkata syarat dan peraturan itu adalah perlu memandangkan banyak ekonomi APEC telah diancam oleh spekulator matawang.

Koo berkata sepasukan pakar dalam lingkungan ABAC akan menjalankan kajian bagi meneliti syarat-syarat dan peraturan yang sepatutnya terpakai untuk pedagang matawang.

ABAC merupakan bahagian swasta daripada APEC dan mempunyai mandat untuk menasihati para pemimpin APEC mengenai isu-isu yang mempengaruhi perniagaan di rantau ini.

Sementara itu, Pengerusi ABAC Tan Sri Tajudin Ramli berkata: "Semua kombinasi ini adalah penting."

"Keadaan yang mendesak memerlukan tindakan yang segera dan nyata oleh kerajaan-kerajaan untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi yang terjejas.

"Tetapi APEC juga mesti tetap dengan program liberalisasinya kerana ini akan membantu kita keluar daripada krisis."

Tajudin juga berkata cadangan utama itu bertujuan memulihkan kepercayaan para pelabur, mempromosikan kestabilan matawang dan membawa balik pelaburan langsung asing dan modal jangka panjang ke dalam rantau ini.

Beliau juga berkata para anggota ABAC juga telah meneliti akhir cadangan-cadangan tambahan yang akan diserahkan kepada kerajaan-kerajaan APEC.

"ABAC juga akan mengulangi cadangannya bagi mewujudkan suasana yang kukuh di mana perdagangan elektronik boleh berkembang dan menggesa kerajaan-kerajaan untuk mempertingkatkan usaha membantu syarikat-syarikat serantau mengatasi masalah pepijat alaf (Millenium Bug) atau Y2K dengan mengutamakan pengangkutan, perubatan, kemudahan awam dan sektor perkhidmatan kewangan," katanya.

Beliau menambah, ABAC juga mencadangkan satu pelan tindakan baru swasta dan awam bagi mewujudkan sistem makanan APEC untuk rantau ini yang termasuk promosi perdagangan dalam pengeluaran makanan, peningkatan kemudahan infrastruktur luar bandar dan penyerapan teknologi pertanian baru.

Tajudin, yang juga Pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS), berkata para anggota telah bersetuju bahawa mereka patut mengetengahkan cadangan pengeluaran bon yang dinamakan Obligasi Bon Berjamin (CBO).

Ringkasnya, sekumpulan negara kaya akan menyuntikkan modal dalam CBO yang dicadangkan yang akan digunakan untuk menyungkit lebih banyak dana daripada pasaran-pasaran modal antarabangsa.

Jumlah yang dikumpulkan biasanya antara dua dan tiga kali ganda daripada modal asal dan modal yang dikumpul itu kemudiannya dilaburkan

dalam bon yang berasaskan matawang dolar Amerika yang dikeluarkan oleh ekonomi yang berkaitan atau agensi terpilih dalam negara-negara itu.

Tajudin berkata ABAC percaya CBO adalah alat yang tepat bagi ekonomi yang terjejas pada ketika ini, dan dengan menggunakan instrumen seperti CBO, modal persendirian yang sangat diperlukan dapat ditarik semula ke rantau ini.

"ABAC telah menumpukan banyak masa dan usaha, dan CBO akan memberikan perbezaan," katanya sambil menambah, majlis itu sedang mengusahakan cara yang terbaik untuk melaksanakan CBO dan Taiwan telah bersetuju untuk memberikan 25 peratus daripada modal yang diperlukan.

Negara-negara lain yang mungkin akan mengambil bahagian dalam CBO ialah Jepun, Singapura dan Brunei dengan Bank Pembangunan Asia bertindak sebagai penjamin.

Mengenai kerjasama ekonomi dan teknikal, katanya para anggota juga telah bersetuju sebuah perbadanan inti yang bertindak sebagai pemangkin dan menyokong kerajaan diketengahkan, dengan pendekatan didorong sektor perniagaan dan swasta.

"ABAC telah mengenal pasti awal projek-projek utama yang ia percaya akan menguntungkan ekonomi APEC," kata Tajudin yang mendedahkan bahawa projek Grid Gas Asia telah dicadangkan.

Katanya projek itu akan menghubungkan jaringan gas yang sedia ada dan yang dicadangkan di Indonesia, Malaysia dan Thailand dengan talian paip baru yang telah dicadangkan bagi membekalkan gas, yang jika tidak, ianya kekal tidak berkembang di Indonesia dan Malaysia.

Permintaan utama bagi gas ini dijangka datang dari China dengan kemungkinan diperluas ke Cina-Taipeh, Jepun dan Korea Selatan.

-- BERNAMA

DVS KHY